



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

KOMITMEN NEGARA ASEAN TANGANI ANCAMAN SEKURITI NUKLEAR SERANTAU DAN ANTARABANGSA

JOHOR BAHRU, 11 JULAI 2025 - YBr. Puan Ruziah binti Shafei, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan Sains), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menyempurnakan penutupan **Latih Amal Pelbagai Hala Pengesanan Sekuriti Nuklear, Malaysia-Indonesia-Thailand-Singapura 2025 (MITSATOM 2025)** di DoubleTree by Hilton Hotel, Johor Bahru, Johor.

MITSATOM 2025 diadakan bersempena Kepengerusian Jabatan Tenaga Atom (Atom Malaysia) dalam *ASEAN Network of Regulatory Bodies on Atomic Energy* (ASEANTOM) berikutan Kepengerusian Malaysia dalam ASEAN 2025. MITSATOM 2025 telah berjaya menguji keberkesanan prosedur pengesanan dan tindak balas negara-negara anggota ASEAN dalam menangani insiden sekuriti nuklear melibatkan penyeludupan bahan radioaktif merentas sempadan iaitu sempadan darat Malaysia-Thailand, Malaysia-Singapura dan sempadan laut Malaysia-Indonesia, seiring dengan prinsip Malaysia MADANI yang menekankan nilai daya cipta, kecekapan, keterangkuman dan kesejahteraan sejagat.

Sepanjang penganjuran ini, latihan berbentuk *Tabletop Exercise* (TTX) dan *Field Training Exercise* (FTX) telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama daripada pelbagai agensi dan agensi penguatkuasa undang-undang negara seperti Jabatan Tenaga Atom (Atom Malaysia), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS).

Penganjuran ini membuktikan keupayaan tinggi dan koordinasi cekap antara agensi dalam menangani insiden sekuriti nuklear melibatkan penyeludupan bahan radioaktif merentas sempadan darat dan maritim mencerminkan nilai keyakinan dan integriti yang menjadi asas tadbir urus MADANI.

MITSATOM 2025 ini telah dihadiri oleh wakil dari negara Indonesia, Thailand dan Singapura, Brunei Darussalam, Amerika Syarikat, International Criminal Police Organization (INTERPOL), dan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA). Kehadiran mereka membuka ruang untuk pertukaran pandangan serta penilaian terhadap keberkesanan prosedur dan keupayaan operasi negara anggota ASEAN dalam menangani insiden sekuriti nuklear.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI
11 JULAI 2025

Link Gambar :

<https://drive.google.com/drive/folders/15vzAL5qdDaE59ZtdW5ngppZoZo0v30lu?usp=sharing>

JABATAN TENAGA ATOM Pengawalan ke atas penggunaan benda-benda radioaktif telah dijalankan sejak tahun 1968 lagi apabila Parlimen meluluskan Akta Benda-benda Radioaktif 1968. Memandangkan perkembangan aktiviti tenaga atom yang pesat di Malaysia, kawalan yang lebih berkesan diperlukan Pada April 1984, Parlimen telah meluluskan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304).

Seterusnya Lembaga Perlesenan Tenaga Atom telah ditubuhkan pada 1 Februari 1985 dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Pada 27 Oktober 1990, jabatan ini telah ditempatkan di bawah Kementerian, Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Pada 9 Jun 2022, agensi ini telah dinamakan sebagai Jabatan Tenaga Atom (Atom Malaysia). Atom Malaysia adalah sebuah badan penguatkuasa yang bertanggungjawab bagi mengawal dan mengawalselia Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) dan perundangan-perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya. Tujuannya adalah bagi memastikan semua aktiviti yang melibatkan penggunaan tenaga atom dikendalikan dengan selamat tanpa membahayakan pekerja, orang awam, harta benda dan alam sekitar.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.atom.gov.my

Untuk pertanyaan Media, sila hubungi Unit Komunikasi Korporat kami:

Nor Rokiah binti Alias
Ketua Unit Komunikasi Korporat
Emel: rokiah @atom.gov.my

Muhammad Zul Adzri bin Muhammad Jamil
Pegawai Komunikasi Korporat
Emel: mzul@atom.gov.my

Nor Faezah binti Rabani
Pegawai Komunikasi Korporat
Emel: faezahrabani@atom.gov.my